

PSYCHOLOGY CARE WORKSHOP SIRI 1
PENTADBIRAN KERAJAAN NEGERI PAHANG TAHUN 2024

Kuantan, 6 Mac 2024: Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang telah menganjurkan ***Psychology Care Workshop Siri 1 Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang Bagi Tahun 2024***. Bengkel ini telah diadakan pada **5 Mac 2024 (Selasa)**. Bertempat di **Kolej Universiti Yayasan Pahang (UCYP), Kuantan**. Seramai 102 peserta telah menyertai bengkel ini terdiri daripada penjawat awam Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Pahang yang telah melaksanakan penilaian psikologi sebagai pencegahan kepada kesihatan mental yang terjejas.

Bengkel ini dilaksanakan bagi tujuan untuk meningkatkan kesedaran dan kemahiran individu tentang *psychological first aid* sebagai bantuan awal yang membolehkan individu menguruskan emosi, pemikiran dan tingkah laku dalam masa yang singkat. Bengkel ini juga dapat membantu peserta memahami diri sendiri dan persekitaran bagi membendung isu-isu di tempat kerja. Bengkel ini juga dapat meningkatkan kemahiran psikologi penjawat awam, sebagai langkah persediaan menghadapi pelbagai cabaran dalam kehidupan peribadi dan kerjaya.

Bengkel kali ini, telah disampaikan oleh 2 orang penceramah jemputan iaitu Puan Siti Zubaidah binti Abdul Majid, Pegawai Psikologi (Kaunseling) Pejabat Kesihatan Daerah Maran. Beliau telah menyampaikan slot yang bertajuk Meneroka Emosi dan Kesejahteraan dan Keselamatan Psikologi. Manakala penceramah jemputan yang kedua ialah Puan Sulisa binti Muhammad Othman, Pegawai Psikologi (Kaunseling), Pejabat Kesihatan Daerah Temerloh. Beliau telah menyampaikan slot yang bertajuk Strategik Menguruskan Emosi Positif. Mereka telah dibantu oleh 2 orang fasilitator iaitu Encik Hairul Fitri bin Hamzah, Penolong Pegawai Syariah, Jabatan Pendakwaan Syariah Pahang dan Puan Sharifah Azaiah binti Syed Abas @ Syed Ghalib, Ketua Pembantu Tadbir Pejabat Setiausaha Kerajaan Pahang.

Diharapkan melalui bengkel ini, peserta dapat menerapkan ilmu-ilmu yang berkaitan pengurusan emosi dan cara menangani tekanan agar dapat berfungsi secara optimum dan sejahtera.

Disediakan oleh Unit Psikologi, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM)

#MajuTerusPahang
#Pahang1st
#KerajaanNegeriPahang

Disediakan Oleh: Norsaruddin bin Abdul Rani

Foto: Unit Psikologi



